

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN@MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN – BN]**

SOALAN (NO. 168)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagi menjayakan persidangan *Junior Chamber International bagi Rantau Asia (JCI-Asia Pasific Conference Aspac) 2015* yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 11-14 Jun 2015, apakah jenis sumbangan dan dana yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam hal ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS sentiasa memberi sokongan penuh kepada mana-mana pertubuhan belia seperti JCI untuk melaksanakan pelbagai program. JCI merupakan salah satu daripada Pertubuhan belia yang menerima bantuan pentadbiran setiap tahun berjumlah RM80,000. Persidangan *Junior Chamber International* bagi Rantau Asia (*JCI – Asia Pasific Conference Aspac*) 2015 dilaksanakan oleh JCI dengan menggunakan dana pertubuhan tersebut.
2. Kementerian juga akan membantu pihak penganjur dalam memberikan bantuan penyertaan dan sokongan moral dalam menjayakan Persidangan *Junior Chamber International* bagi Rantau Asia (*JCI – Asia Pasific Conference Aspac*) 2015.

Sekian, terima kasih.